

SIARAN AKHBAR

Daripada Sylke Becker
Telefon +49 69 756081-33
Telefaks +49 69 756081-11
E-mel s.becker@vdw.de

Tajuk-tajuk yang mempengaruhi industri - EMO Hannover 2019 mempamerkan perubahan teknologi pengeluaran

Pertunjukan khas menyerlahkan trend terkini dan memberikan haluan

Kuala Lumpur, Malaysia, 16 Januari 2019. – Tema EMO Hannover 2019, yang dijadualkan berlangsung dari 16 hingga 21 September, ialah *Teknologi pintar mendorong pengeluaran hari esok!*. Pengunjung antarabangsa terutamanya mahu mendapatkan maklumat dan haluan. Antaranya ialah maklumat tentang perkembangan terkini pembekal dari merata dunia, trend pengautomasian, kecekapan penggunaan tenaga, keselamatan pekerjaan, proses dan bahan perkilangan baharu, haluan perkembangan model perniagaan baharu, peluang kerjasama bagi syarikat baharu, memenuhi permintaan terhadap pekerja mahir dan mengambil khidmat generasi baharu kakitangan. Encik Christoph Miller, Pengarah Urusan EMO Hannover daripada VDW (Verein Deutscher Werkzeugmaschinenfabriken), iaitu penganjur EMO, mengumumkan bahawa “VDW, iaitu Persatuan Pembina Perkakas Mesin Jerman, selaku penganjur pesta dagang pertukangan logam yang terkemuka di dunia ini, telah memilih tajuk-tajuk yang paling hangat, dan dengan kerjasama rakan-rakan kongsinya, sedang mengatur pelbagai acara khas,” semasa sidang akhbar EMO yang diadakan pada 16 Januari 2019 di Malaysia.

lingkaran perkilangan tambah - tumpuan pada rantai proses percetakan 3D

Perkilangan Tambah ialah tajuk trend ketiga yang dibincangkan dalam industri selain Industri 4.0 dan Pengautomasian. “Banyak yang sedang berlaku di sini. Terdapat minat yang tinggi dan

keperluan yang besar terhadap maklumat,” kata Encik Miller. Kelemahannya, seperti masa yang diperlukan untuk mengilang bahan kerja, ketiadaan bahan yang sesuai bagi sesuatu aplikasi, potensi pengautomasian atau keperluan mengadakan langkah pascapemprosesan, kini beransur hilang. Hasilnya, perkilangan tambah semakin disepadukan ke dalam pengeluaran perindustrian.

Sektor pelanggan yang berpengaruh besar dan cerewet seperti industri automotif dan pesawat udara ataupun teknologi perubatan kini semakin menghendaki percetakan 3D dan mereka sendiri menghasilkan semakin banyak bahagian ganti yang mempunyai reka bentuk yang hanya boleh dibuat menggunakan proses-proses penambahan. Antara contohnya ialah komponen-komponen ringan yang diperbuat daripada bahan atau bahagian ganti yang kompleks dalam industri automotif, bongkah kawalan hidraulik bagi Airbus 320 atau kepingan T bagi sistem bahan api Airbus 400 M, dan juga binaan bionik dalam teknologi perubatan, korona pergigian, alat bantu pendengaran dan perkakas bedah.

Menurut suatu kaji selidik yang dijalankan oleh VDMA baru-baru ini, hampir separuh syarikat dalam sektor kejuruteraan mekanikal, contohnya, sudah pun menggunakan komponen tambah. Kira-kira separuh syarikat itu juga menggunakan sistem percetakan 3D sendiri untuk menghasilkan produk prototaip dan sampel. Walau bagaimanapun, 44 peratus antaranya juga mencetak bahagian ganti, bahagian bersiri dan alat. Lebih kurang sesuku bahagian yang dicetak itu diperbuat daripada logam.

Kira-kira seperlima daripada pengunjung ke EMO menyatakan melalui kaji selidik pengunjung pada tahun 2017 bahawa mereka berminat tentang percetakan 3D. Angka itu jauh melebihi apa yang ditawarkan oleh pempamer pada ketika itu. “Itulah sebabnya kami menganjurkan *lingkaran perkilangan tambah 2019* bersama-sama Kumpulan Media Konradin,” kata Encik Miller. Pertunjukan khas ini akan menjadi pelengkap bagi peralatan percetakan 3D yang ditawarkan oleh pengilang utama, seperti Renishaw, Realizer, SLM, Stratasys dan Trumpf, yang masing-masing mempunyai gerai sendiri di EMO Hannover. *Lingkaran perkilangan tambah* disasarkan pada syarikat-syarikat daripada seluruh rantai proses perkilangan tambah (AM) yang menyertai EMO Hannover dan boleh memanfaatkan minat pengunjung yang amat tinggi itu. Syarikat sasaran ini merangkumi pembekal sistem yang lebih kecil serta syarikat daripada sektor perisian, pengimbasan 3D, bahan dan perkhidmatan pengeluaran. Bagi ramai pelanggan, syarikat pemberi khidmat ialah laluan masuk pertama ke teknologi ini.

“Kami yakin bahawa *lingkaran perkilangan tambah* ini akan menjadi daya penarik pengunjung,” kata Encik Miller. Proses ini sedang berkembang pada kadar yang pantas dan masih banyak

terdapat potensi yang belum dimanfaatkan. Tarikan yang ada pada EMO Hannover adalah bahawa seluruh rantai proses AM, termasuk pascapemprosesan, boleh dibandingkan dan dibezakan dengan proses-proses pemesinan konvensional.

EMO Hannover 2019 akan menjadi tempat perjumpaan utama bagi syarikat pengeluaran yang baharu

Syarikat-syarikat baharu tidak lagi terbatas kepada sektor barangan pengguna atau kewangan, tetapi didapati semakin menceburi industri barangan modal. Trend besar seperti pendigitalan dan perangkaan, serta bentuk baharu pergerakan, perubahan iklim, kecekapan penggunaan tenaga dan penyesuaian mengikut kehendak semuanya menawarkan peluang yang besar untuk menyumbang idea-idea baharu dan oleh itu, juga peluang kejayaan untuk syarikat-syarikat baharu. Syarikat-syarikat baharu boleh mengikuti, ataupun memulakan, trend baharu. Syarikat baharu dianggap lebih kreatif daripada syarikat yang sudah mantap kerana mereka akan mencuba idea baharu dengan fikiran dan hati yang lebih terbuka, dengan itu seringkali membolehkan mereka melancarkan produk baharu dengan lebih cepat ke dalam pasaran. Syarikat baharu juga menggunakan kaedah kerja yang baharu, seperti makmal pembikinan, ruang kerja kongsi dan pasukan yang lincah.

Produk baharu dan kaedah kerja baharu menawarkan harapan yang menarik bagi syarikat yang sudah mantap dalam bidang teknologi pengeluaran. Pakar daripada syarikat perunding digital Etventure di Berlin, contohnya, menasihati syarikat-syarikat yang sudah mantap supaya menggunakan khidmat unit digital yang diambil dari luar untuk membina model perniagaan digitalnya. Cara ini lebih cepat, kurang birokratik dan dapat menggerakkan tenaga kerja dalam syarikat. Walau bagaimanapun, menurut sebuah kajian yang dijalankan baru-baru ini, hanya 8 peratus syarikat di Jerman menggunakan pilihan ini.

“Sudah tentulah, mengambil khidmat unit perniagaan dari luar bukanlah satu-satunya pilihan yang ada. Anda juga boleh berusaha sama dengan syarikat digital,” kata Encik Miller daripada VDW. Syarikat digital ini mungkin syarikat Jerman ataupun syarikat baharu dari negara lain. Latar perniagaan bagi syarikat baharu sangat dinamik di banyak negara. Syarikat-syarikat ini juga dipelawa turut serta, seandainya mereka menceburi bidang pengeluaran.

Untuk menggalakkan kerjasama dan menemukan pihak-pihak yang berminat, EMO Hannover 2019 sangat bertumpu pada syarikat baharu dan buat kali keduanya, memberi mereka pelantar sendiri yang bertajuk, *Perusahaan Baharu Teknologi @ EMO Hannover 2019*. Format tahun 2019 akan banyak dikembangkan berikutan sambutan baik oleh pengunjung ke acara

sebelumnya. Format baharu ini dijadikan lebih luas dan lebih bertumpu pada perniagaan untuk menawarkan nilai tambahan yang lebih besar kepada syarikat baharu yang turut serta.

Hal ini kerana syarikat baharu yang mempunyai idea perniagaan yang bagus secara amnya memerlukan wang, kepakaran dan sedikit pertolongan mencari pelanggan, pesaing utama dan pekerja. EMO Hannover menawarkan semua ini bagi sektor pengeluaran. Oleh itu, para pelabur, penaja syarikat baharu dan bakal rakan kerjasama semuanya dijemput mengambil bahagian sebagai pempamer di samping syarikat baharu itu sendiri. Terdapat gerai perseorangan dan gabungan, contohnya negeri-negeri persekutuan Jerman, Kementerian Persekutuan Ekonomi Dan Tenaga Jerman (BMW) dan para pelabur asing. Akhir sekali, pameran ini akan dimeriahkan lagi dengan forum dan penyampaian untuk memberi syarikat baharu peluang memperkenalkan diri mereka. "Tujuannya adalah untuk menjadikan kawasan pameran itu asas perangkaian peserta bidang pengeluaran perindustrian," kata Encik Miller daripada VDW, sambil menjelaskan objektifnya.

VDW telah mendapatkan perkhidmatan Deutsche Messe AG sebagai rakan kerjasama bagi *Perusahaan Baharu Teknologi Dalam Bidang Pengeluaran*. Mereka telah menyusun dan melaksanakan format ini dengan jayanya sejak beberapa tahun kebelakangan ini, terutamanya semasa Pesta Hannover. Suatu lagi rakan kerjasama ialah Mesin Pemula VDMA (Verband Deutsche Maschinen- und Anlagenbau, iaitu Persekutuan Kejuruteraan Jerman), pelantar pusat yang menemukan jurutera mekanikal dengan syarikat baharu. Badan ini akan mengenal pasti syarikat baharu dalam bidang kejuruteraan mekanikal dan menggalakkan dialog antara syarikat baharu ini dengan SME.

Hadiah *Inovasi Digital Dalam Bidang Pengeluaran* akan dianugerahkan buat kali pertamanya semasa EMO Hannover

Hadiah khas *Inovasi Digital Dalam Bidang Pengeluaran* akan dianugerahkan semasa pesta ini sebagai salah satu acara *Perusahaan Baharu Teknologi @ EMO Hannover 2019*. Pertandingan ini adalah suatu inisiatif Kementerian Hal Ehwal Ekonomi Dan Tenaga Persekutuan. Hadiah ini akan diberikan atas idea perniagaan yang inovatif, yang didasarkan pada teknologi maklumat dan komunikasi moden. Tumpuan akan diberikan pada daya inovasi syarikat baharu tersebut, pasukannya, pengalamannya, kemahirannya dan perkaitannya dengan pelanggan dan rakan kongsi. Wang hadiah sebanyak 10,000 euro bagi anugerah pengeluaran khas ini ditambah lagi dengan seminar, bengkel, bimbingan dan penyampaian secara langsung yang bertujuan menemukan syarikat baharu ini dengan pempamer mantap dan pelabur. "Anugerah khas untuk syarikat baharu ini adalah sebahagian daripada acara perangkaian yang akan diadakan secara

besar-besaran oleh VDW pada hari kedua pesta dagang tersebut, dan akan mengakhiri program syarikat baharu EMO,” kata Encik Miller.

Inisiatif pengambilan khidmat untuk pekerja mahir

Industri tidak hanya menghadapi cabaran teknikal tetapi juga semakin banyak masalah kekurangan pekerja mahir. Keadaan khusus mungkin berbeza tetapi keperluan bertindak nyata seluruh dunia. “Berbilang negara perindustrian sedang bergelut menghadapi perubahan demografi, yang bermaksud bahawa kurang ramai pekerja mahir boleh berpindah ke sektor-sektor lain,” jelas Encik Miller daripada VDW. “Sebaliknya, negara-negara yang sedang muncul mempunyai bilangan orang muda yang cukup ramai tetapi selalunya tidak mempunyai sistem latihan yang cekap untuk melahirkan pekerja mahir yang diperlukan,” Encik Miller berkata lagi. Selain itu, kehendak terhadap permintaan industri sedang berubah dengan ketara disebabkan perangkaan dan pengautomasian. Sekolah dan syarikat mesti bertindak mengikut perubahan ini untuk menjamin masa depan mereka, walau di mana jua mereka berada di dunia.

Yayasan Pendidikan Dan Pembangunan Belia Bagi Bidang Kejuruteraan Mekanikal berusaha memastikan latihan yang berkualiti tinggi

Di Jerman, Yayasan Pendidikan Dan Pembangunan Belia Bagi Bidang Kejuruteraan Mekanikal, sebuah anak syarikat VDW dan VDMA, telah bekerja keras sepanjang sepuluh tahun yang lepas untuk menambah baik dan mengemaskinikan latihan dalam bidang pertukangan logam dengan kerjasama kolej vokasional, pihak berkuasa yang berkenaan dan institusi-institusi lain. Yayasan ini juga melancarkan beberapa projek latihan pendigitalan. Projek-projek ini memastikan guru dan pengajar dilatih dengan betul. “Mereka mengajar kemahiran baharu kepada semua murid sambil mengikuti perkembangan teknikal yang terkini,” kata Encik Miller daripada VDW. Beliau menjelaskan bahawa, “Golongan pakar hari esok mesti mampu menyediakan penyelesaian komunikasi dan memahami serta menguruskan proses dan sistem yang bersepadu.” Sementara itu, Yayasan Pendidikan Dan Pembangunan Belia Bagi Bidang Kejuruteraan Mekanikal menawarkan *Kelayakan Proses Perkilangan Digital Tinggi* yang boleh diberikan kepada pakar sebagai tambahan pada latihan mereka.

Pembelajaran Mudah Alih Di Kilang-kilang Kecil (MLS), iaitu sebuah pelantar belajar sambil bekerja dalam talian, ialah komponen penting dalam seluruh proses latihan ini. Sistem ini direka untuk alat mudah alih dan mewujudkan suasana pembelajaran moden yang membolehkan guru dan pengajar membantu pelatih dengan lebih berkesan, di samping mengubah tajuk-tajuk baharu dengan pantas menjadi bahan pembelajaran yang kukuh. Pelatih dan pengajar masing-masing boleh menggunakan pelantar ini untuk menghasilkan tugas sendiri dan sama-sama

mencari penyelesaiannya. Kandungannya kini boleh didapati dalam bahasa Jerman tetapi juga akan diterjemahkan kepada bahasa Inggeris pada masa depan.

Semua ini akan dipersembahkan semasa EMO Hannover 2019 sebagai sebahagian daripada pertunjukan khas belia. Dengan kerjasama rakan-rakan kongsi daripada industri, kolej vokasional dan institusi-institusi pendidikan yang lain, Yayasan Pendidikan Dan Pembangunan Belia Bagi Bidang Kejuruteraan Mekanikal akan menyampaikan projek dan inisiatif latihannya bagi bidang pertukangan logam dan untuk program pengajian teknikal. Orang muda yang sudah bersedia membuat keputusan kerjaya, serta guru dan pengajar yang menghadiri Pertunjukan Khas Belia ini harus tahu betapa pentingnya latihan teknologi tinggi moden dalam bidang kejuruteraan mekanikal hari ini.

Encik Miller menyimpulkan bahawa, “Tiada satu pun syarikat yang terkecuali daripada kesan perubahan yang sedang berlaku dalam alam pekerjaan, biar di mana jua mereka berada.” “Kita sebaik-baiknya menangani sahaja cabaran yang berkenaan dengan pekerja. Inisiatif Yayasan Pendidikan Dan Pembangunan Belia Bagi Bidang Kejuruteraan Mekanikal yang disampaikan semasa EMO Hannover akan menjadi model yang bagus dan boleh digunakan di negara-negara lain,” kata beliau lagi. Yayasan ini sendiri sudah aktif pada peringkat antarabangsa. Contohnya, mereka melatih guru teknologi di Itali dan Croatia.

Pertunjukan khas belia ini bertujuan melahirkan pekerja muda yang berkemahiran tinggi. Suatu acara baharu di EMO Hannover ialah “Inisiatif Pengambilan Pekerja” selama dua hari yang disasarkan pada pekerja profesional muda. Ini merangkumi ahli akademik dan pakar perindustrian yang mahir. Pempamer EMO dan syarikat pengguna yang sudah mantap biasanya menggunakan kawasan khas ini untuk mengemukakan tawaran mereka kepada bakal pekerja baharu. Pertunjukan khas ini akan diiringi forum tentang strategi moden perkembangan kakitangan, pengambilan pekerja, dan cara memohon pekerjaan. Penganjur inisiatif ini, VDI-Nachrichten, iaitu lidah rasmi persatuan teknikal dan saintifik yang terbesar di Jerman, dianggotai 150,000 ahli.

EMO Hannover 2019 - Pesta dagang yang terulung di dunia bagi sektor pertukangan logam

Dari 16 hingga 21 September 2019, para pengilang teknologi pengeluaran antarabangsa akan mempamerkan kejuruteraan pintar semasa EMO Hannover 2019. Dengan cogan kata, “Teknologi pintar mendorong pengeluaran hari esok”, pesta dagang yang terulung di dunia bagi industri pertukangan logam akan mempamerkan seluruh barisan teknologi pertukangan logam zaman moden, yang menjadi teras setiap proses pengeluaran perindustrian. Pesta ini akan mempamerkan mesin-mesin yang terkini, penyelesaian teknikal yang cekap, perkhidmatan sokongan produk, daya tahan pada proses pengeluaran, dan banyak lagi. Tumpuan utama EMO Hannover adalah pada perkakas pemotongan logam dan mesin pembentukan, sistem pengeluaran, perkakas kejituan tinggi, aliran bahan berautomasi, teknologi komputer, barangan elektronik perindustrian, dan aneka aksesori. Pengunjung perdagangan ke EMO merangkumi semua sektor utama industri, seperti pengilang jentera dan kilang, industri automotif dan pembekal komponennya, sektor ruang angkasa, ilmu mekanik dan optik kejituan, pembinaan kapal, teknologi perubatan, pengilang perkakas dan acuan, serta pembinaan keluli dan logam ringan. EMO Hannover ialah tempat perjumpaan antarabangsa yang terpenting bagi pakar teknologi pengeluaran dari merata dunia. EMO Hannover 2017 telah menarik penyertaan hampir 2,230 pempamer dari 44 buah

Muka surat 7/7 · EMO Hannover 2019

negara, dan kira-kira 130.000 pengunjung perdagangan dari 160 buah negara. EMO ialah tanda dagang berdaftar Persatuan Industri Perkakas Mesin Eropah, CECIMO.

Anda boleh mendapatkan teks dan imej yang berkait dengan EMO Hannover pada internet di: www.emo-hannover.de/bilddatenbank. Ikutilah perjalanan EMO Hannover melalui saluran media sosial kami



http://twitter.com/EMO_HANNOVER



<https://de.industryarena.com/emo-hannover>



www.linkedin.com/company/emo-hannover



<http://facebook.com/EMOHannover>



<http://www.youtube.com/metaltradefair>